

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20053
ETIKA PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS(11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah definisi moral? HPK1
T1
- A. Sistem peraturan bagi mematuhi etika.
B. Menjalankan amanah dengan dedikasi.
C. Undang-undang yang menetapkan kepentingan hak-hak dalam perniagaan.
D. Kebiasaan atau aturan yang harus dipatuhi seseorang dalam berinteraksi dengan orang lain.
2. Kepentingan etika dalam perniagaan adalah HPK1
T1
- A. meningkatkan prestasi perniagaan.
B. memberi jaminan pembayaran bonus pekerja.
C. memberi pengaruh yang kurang baik kepada pekerja.
D. menyebabkan berlakunya penindasan di tempat kerja.
3. Yang manakah **BETUL** berkaitan nilai dalam etika perniagaan? HPK1
T1
- I. Nilai kerja
II. Nilai strategik
III. Nilai-nilai etika
IV. Undang-undang jenayah
- A. I, II, III
B. I, II, IV
C. I, III, IV
D. II, III, IV

4. Kenyataan berikut menggambarkan perbuatan yang beretika dalam HPK1 perniagaan **KECUALI**: T1

- A. menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.
- B. memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
- C. menjalankan perniagaan yang memberi kualiti terbaik kepada pelanggan.
- D. kurang mengambil berat mengenai kualiti perkhidmatan kepada pelanggan seperti menipu pelanggan, tidak menjaga kebersihan perniagaan.

5. HPK1
"Merupakan satu sistem, peraturan atau norma yang cuba diikuti oleh ahli-ahli T1 masyarakat."

Manakah antara yang **BETUL** menerangkan pernyataan di atas?

- A. Etika.
- B. Moral.
- C. Undang-undang.
- D. Nilai strategik dan Nilai kerja.

6. Pilih pernyataan yang **TIDAK BETUL** mengenai tanggungjawab pekerja dalam HPK1 perniagaan. T2

- A. Menjaga kebajikan majikan.
- B. Mengekalkan disiplin pengurusan.
- C. Patuh terhadap semua undang-undang.
- D. Menjaga nama baik dan prestasi syarikat.

7. Pilih jawapan yang **BETUL** berkenaan tanggungjawab yang mesti HPK1
dilaksanakan oleh majikan. T2

- I. Menjaga hak dan kebajikan pekerja.
- II. Memberi ganjaran kepada setiap pekerja bagi setiap kerja yang dilakukan.
- III. Mendaftarkan pekerja sebagai ahli KWSP dan mencarum.
- IV. Menyediakan pakej insurans kesihatan dan klinik panel syarikat.

- A. I, II, III
- B. I, II, IV
- C. I, III, IV
- D. II, III, IV

8. Berikut merupakan cara yang betul dalam membentuk kerja berpasukan HPK1
KECUALI: T2

- A. sentiasa ada konflik dalam pasukan.
- B. setiap keputusan dibuat berdasarkan syura / perbincangan.
- C. sentiasa mempunyai sifat hormat-menghormati sesama ahli pasukan.
- D. setiap orang diberikan kebebasan untuk menggunakan kreativiti dan kepakaran dalam melaksanakan kerja.

9. “ Merupakan tanggungjawab moral yang perlu dipikul oleh perniagaan HPK1
terhadap kepentingan masyarakat di mana perniagaan tersebut menjalankan T3
operasinya.”

Penyataan ini berkaitan dengan

- A. nilai.
- B. moral.
- C. tanggungjawab sosial.
- D. tanggungjawab majikan.

10. Nyatakan pihak yang perlu usahawan mainkan peranan dalam tanggungjawab sosial. HPK1
T3
- A. Pekerja
 - B. Pelanggan
 - C. Masyarakat
 - D. Masyarakat, pelanggan dan pekerja
11. Berikut merupakan pihak yang memberi kesan secara langsung kepada perniagaan (primer) **KECUALI**: HPK1
T3
- A. pekerja.
 - B. kerajaan.
 - C. pelanggan.
 - D. pemborong.
12. Nyatakan pihak berkepentingan yang memberi kesan secara tidak langsung kepada perniagaan (sekunder). HPK1
T3
- A. Media
 - B. Peruncit
 - C. Masyarakat
 - D. Kumpulan pendesak

13. Pernyataan yang merujuk kepada kelebihan menjalankan tanggungjawab sosial ialah HPK1
T3

- A. menurunkan harga saham.
- B. meningkatkan cukai korporat.
- C. membantu meningkatkan imej organisasi.
- D. pekerja beramai-ramai menukar pekerjaan.

14. “Perniagaan akan menerima kesan secara tidak langsung jika pihak sekunder melakukan sebarang tindakan.” HPK1
T3

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. pekerja.
- B. peruncit.
- C. pemegang saham.
- D. kumpulan pendesak.

15. Apakah definisi etika pemasaran? HPK1
T4

- A. Merupakan satu garis panduan dalam menjalankan tanggungjawab sosial.
- B. Merupakan satu garis panduan dalam menetapkan undang-undang dalam melaksanakan kerja kumpulan dalam sesebuah organisasi.
- C. Merupakan sebuah standard moral yang digunakan untuk memandu keputusan yang dibuat dan tindakan dalam melakukan pemasaran.
- D. Merupakan satu standard moral dalam menentukan tanggungjawab majikan kepada pekerja dan tanggungjawab pekerja kepada perniagaan.

16. Berikut merupakan paduan pemasaran **KECUALI** HPK1
T4

- A. harga.
- B. produk.
- C. undang-undang.
- D. saluran pengguna.

17. “Sering berlaku di mana pengguna tidak dimaklumkan tentang harga sebenar sehinggalah bayaran dibuat. Tindakan yang dibuat oleh peniaga untuk menyembunyikan harga sebenar produk adalah tidak beretika.” HPK1
T4

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. etika dalam paduan pemasaran produk.
- B. etika dalam paduan pemasaran harga.
- C. etika dalam paduan pemasaran promosi.
- D. etika dalam paduan pemasaran saluran pengedaran.

18. “Bertujuan menerangkan ciri-ciri produk yang dijual, maklumat isi kandungan dan merupakan komunikasi terakhir antara peniaga dan pengguna untuk menyampaikan maklumat atau peringatan kepada pengguna.” HPK1
T4

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. manipulasi.
- B. situasi istimewa.
- C. kecenderungan menipu.
- D. pembungkusan dan pelabelan.

19. Antara berikut yang manakah **BUKAN** merupakan punca-punca pelanggaran integriti. HPK1
T4

- A. Budaya.
- B. Individu.
- C. Kesihatan.
- D. Kepimpinan.

20. “ Penyalahgunaan kuasa yang dimiliki melalui jawatan dan amanah yang dipegang. Ia merangkumi perbuatan meminta atau menerima sesuatu, menawarkan atau memberi sesuatu, membuat tuntutan palsu dan menyalahgunakan jawatan” HPK1
T4

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. rasuah.
- B. pecah amanah.
- C. penyelewengan.
- D. *puffery* dan kecenderungan menipu.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Berikan maksud nilai dalam etika perniagaan. HPK1
T1
[2 markah]
- b) Nyatakan **DUA (2)** perbezaan antara etika dan undang-undang. HPK1
T1
[2 markah]
- c) Terangkan **DUA (2)** kepentingan etika dalam perniagaan. HPK1
T1
[4 markah]
- d) Jelaskan **DUA (2)** ciri-ciri perniagaan beretika. HPK1
T1
[4 markah]
- e) Berikan definisi pekerja. HPK1
T2
[2 markah]
- f) Huraikan **DUA (2)** kepentingan etika kerja dalam perniagaan. HPK1
T2
[4 markah]

Soalan 2

- a) Senaraikan **TIGA (3)** etika dan tanggungjawab pekerja dalam perniagaan. HPK1
T2
[3 markah]
- b) Senaraikan **DUA (2)** tanggungjawab majikan dalam perniagaan. HPK1
T2
[4 markah]
- c) Berikan definisi tanggungjawab sosial (*sosial responsibility*). HPK1
T3
[3 markah]
- d) Terangkan **DUA (2)** peranan pihak usahawan dalam tanggungjawab sosial. HPK1
T3
[4 markah]
- e) Terangkan **TIGA (3)** kelebihan menjalankan tanggungjawab sosial. HPK1
T3
[6 markah]

Soalan 3

- a) Berikan definisi etika dalam pemasaran. HPK1
T4
[2 markah]
- b) Huraikan **DUA (2)** isu etika dalam paduan pemasaran. HPK1
T4
[4 markah]
- c) Nyatakan **DUA (2)** punca-punca pelanggaran integriti. HPK1
T5
[4 markah]
- d) Terangkan **DUA (2)** kesan pelanggaran integriti. HPK1
T5
[4 markah]
- e) Berikan maksud kepentingan peribadi. HPK1
T5
[2 markah]
- f) Terangkan bagaimana faktor-faktor berikut boleh memberi kesan kepada integriti HPK1
T5
- i. Individu
- ii. Budaya
- [6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab